



# DARI MEJA KETUA PUSTAKAWAN

“ Penyertaan PTAR dalam Anugerah Kualiti Naib Canselor pada tahun ini amat bermakna kerana ini membuktikan bahawa PTAR yakin dengan usaha-usaha peningkatan kualiti yang dijalankan serta telah bersiap sedia untuk dinilai oleh para panel penilai. ”

## Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera.....

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bertemu kembali menerusi Buletin Info Pintar Bilangan 3/2006.

Bersempena dengan sambutan ke-50 Tahun penubuhan UiTM adalah penting dalam memahami serta mengamalkan aspek-aspek kualiti dari segi sikap, nilai dan cara kita bekerja. Selaras dengan saranan Y.Bhg Dato Seri Prof Dr. Ibrahim Abu Shah Naib Canselor UiTM yang menyeru warga UiTM akan kepentingan menjaga kualiti melalui sifat-sifat positif serta menghindari sikap-sikap yang memba-

wa kerugian kepada organisasi. Justeru itu, bagi menyahut saranan tersebut, warga PTAR amat mementingkan kecemerlangan kualiti dari pelbagai aspek bagi memastikan para pelanggan mendapatkan maklumat dan perkhidmatan yang cekap dan tepat.

Penyertaan PTAR dalam Anugerah Kualiti Naib Canselor pada tahun ini amat bermakna kerana ini membuktikan bahawa PTAR yakin dengan usaha-usaha peningkatan kualiti yang dijalankan serta telah bersiap sedia untuk dinilai oleh para panel penilai. PTAR sedar masih terdapat ruang yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan dalam menyediakan perkhidmatan terbaik bertaraf dunia, namun PTAR yakin amalan yang dibentuk dan dipraktikkan pada masa sekarang adalah dengan sasaran

untuk menjadi antara perpustakaan yang bertaraf dunia.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi penghargaan dan rasa terima kasih kepada pihak pengurusan UiTM di atas sokongan seta kerjasama yang telah diberikan. Tidak dilupakan kepada para pengguna serta pengunjung PTAR. Warga PTAR berjanji akan terus bekerja dengan lebih komited selaras dengan tagline kami “PTAR@Your Service”.